

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS KESYU-
KURAN BARISAN NASIONAL DI PARIT
RAJA, BATU PAHAT, PADA 9HB. SEPTEM-
BER, 1978 (HARI SABTU) JAM 4.00 PTG.

1. YAB Tan Sri Dato Haji Othman Sa'at,
Menteri Besar Johor, merangkap
Pengerusi Barisan Nasional Negeri.
- 1a. *y. B. Dato Syed B. Hj Nawawi, Pengerusi dan ahli jawatankuasa PPKAWAJA Ulu.*
4. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Kerja
Kerajaan Negeri Johor.
2. Yang Berhormat Dato Syed Zain dan
- 3 ~~4~~ Yang Berhormat Encik Shariff Lassim.
5. *y. Berbalgia, Pegawai Daerah, Batu Pahat & Klang.*
- 5a. *Ahli yang terhormat.*
6. ~~Saudara-saudara sekalian.~~ *Pejabat & Ahli Jawatankuasa Parti Component B.N.*
Puan dan Puan sekalian

Terlebih dahulu, saya ~~suka~~ meminta
ahli,
maaf kepada penyokong-penyokong, dan pekerja-
pekerja Barisan Nasional Sri Gading, kerana
tidak dapat bersama-sama di Batu Pahat

pada 8hb. Julai, bagi menyambut kemenangan
calun-calun Barisan Nasional. Majlis
kesyukuran ini pun telah terpaksa lewat
diadakan oleh kerana sebab-sebab ^{yang tidak dapat} ~~tertentu~~ ^{di-elakan.}

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih,
serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada ahli²,
penyokong-penyokong dan pekerja-pekerja
parti anggota Barisan Nasional, di atas
usaha mereka yang bersungguh-sungguh dalam
pilihanraya yang lalu, bagi memastikan
kemenangan Barisan Nasional.

2. Saya juga mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan, kepada sekalian hadirin, yang telah bersama-sama memberikan kehormatan kepada saya petang ini. Sesungguhnya, majlis kesyukuran ini amatlah besar ertinya kepada saya. Lebih-lebih lagi ianya diadakan, semasa rakyat dan penduduk kawasan Sri Gading, masih lagi dalam suasana bersukaria kerana menyambut Aidil Fitri. Saya mengambil kesempatan ini, mengucapkan kepada kaum Muslimin dan Muslimat, Selamat Berhari Raya.

3. Saya menghadiri majlis kesyukuran pada petang ini, dengan perasaan yang penuh insaf. Saya insaf bahawa sokongan dan kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat kepada Barisan Nasional, membawa bersama-samanya harapan yang tinggi, terhadap Kerajaan yang memerintah. Saya sedar di atas tanggungjawab dan kewajipan, khususnya kepada rakyat di-kawasan ini. Saya juga sedar di atas tugas berat saya, sebagai pucok pimpinan parti dan Kerajaan. Saya akan sentiasa menjunjung tinggi sokongan dan keyakinan rakyat jelata, dan akan cuba dengan sedaya upayanya,

mencurahkan segala tenaga dan kemampuan saya, memenuhi hasrat dan aspirasi rakyat.

4. Sebagaimana yang telah selalu saya jelas dan tegaskan, bahawa kami dalam Barisan Nasional, akan melaksanakan segala janji yang telah kami buat dalam masa pilihanraya, sapertimana yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional. Apa yang kami perlukan sekarang, ialah bantuan dan kerjasama rakyat, bagi membolehkan kami menjayakan segala cita-cita suci kami itu. Cita-cita Barisan Nasional, adalah cita-cita rakyat. Oleh kerana

rakyat telah memberikan sokongannya yang menyeluruh kepada Barisan Nasional, kami akan melipatgandakan usaha kami, bagi membawa kemakmuran yang lebih tinggi, kemajuan yang lebih pesat, serta keamanan yang lebih terjamin.

5. Dalam hubungan ini, saya sukalah memberi sedikit gambaran, mengenai usaha-usaha pembangunan, yang telah dan sedang Kerajaan laksanakan, dalam Daerah Batu Pahat seluruhnya.

Dalam tahun ini sahaja, terdapat 111 projek yang sedang dilaksanakan oleh 26 Jabatan dan Ajensi Kerajaan. Dari jumlah ini,

sebanyak 83 rancangan merupakan projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, sementara 28 yang lain, adalah projek-projek sambongan. Kesemua projek-projek ini, dianggarkan memakan belanja sebanyak \$78.8 juta, yang mana sebanyak \$47 juta, diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi tahun ini, sejumlah \$14.2 juta telah pun di luluskan, bagi menjayakan projek-projek yang telah di rancangkan itu.

✓ 6. Sebagaimana kita sedia maklum, peruntukan asal Kerajaan Persekutuan, bagi

Rancangan Malaysia Ketiga, ialah sebanyak \$14 ribu juta. Perbelanjaan yang diperuntukkan kepada negeri-negeri, ialah sebanyak \$4.6^{ribu} juta lagi. Ini bermakna, kesemua perbelanjaan bagi membiayai seluruh Rancangan Malaysia Ketiga berjumlah \$18.6^{ribu} juta. Satu kajian separoh penggal sedang dijalankan, bagi memastikan kemajuan yang telah di capai setakat setengah itu, penggal ini. Dalam pada beberapa perkembangan telah berlaku, di mana projek-projek yang dianggap penting, yang peruntukannya tidak dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan,

yang telah diluluskan bagi Rancangan Malaysia Ketiga, terpaksa dijalankan segera.

VV
7. Projek-projek ini, termasuklah pembinaan jalan-jalan luar bandar, penyelenggaraan jalan-jalan kampung, projek-projek talikom, rancangan letrik luar bandar, projek bekalan air, rancangan tambahan bagi menyusun semula masyarakat, projek-projek pertanian, dan lain-lain rancangan, seperti pelajaran, kesihatan dan keselamatan. Bagi melaksanakan projek-projek penting ini, Kerajaan Persekutuan telah pun meluluskan peruntukan tambahan

sebanyak \$5.3 ribu juta setakat ini.

Peruntukan

~~Pertumbuhan~~ tambahan ini, dikeluarkan sebelum
tamat kajian separoh penggal ini.

8. Ini jelas melambangkan hasrat Kerajaan, memesatkan kemajuan pembangunan di negara kita. Projek-projek pembangunan yang akan memberi faedah kepada rakyat, terutama golongan miskin, dan rancangan-rancangan bagi mencapai mataamat Dasar Ekonomi Baru, memang sentiasa di beri keutamaan.

Saudara-saudara sekalian.

9. Sungguhpun dalam kebanyakan kampung dan kawasan, Kerajaan telah dapat mengadakan ~~keperluan-keperluan~~ kemudahan-kemudahan penting, supaya rakyat dapat menikmati keadaan hidup yang lebih selesa, memang masih banyak lagi kampung-kampung, terutama kawasan-kawasan pendalaman, belum dapat kemudahan-kemudahan asas ini, iaitu jalan-raya yang sempurna, bekalan air dan api letrik. Saya harap, dengan adanya peruntukan tambahan sebanyak \$350 juta, untuk membina jalan-jalan luar bandar, serta dengan adanya jentera-jentera

bagi penyelenggaraan jalan-jalan kampung yang diberikan kepada daerah-daerah, kelambatan dalam membawa kemudahan asas ini ke kawasan-kawasan pedalaman, ~~ini~~, akan dapat disegerakan.

Sumbangan tambahan Kerajaan Persekutuan

sebanyak satu ribu juta, bagi melaksanakan

✓ rancangan letrik luar-bandar, serta hasratnya

memesatkan lagi pelaksanaan bekalan air

untuk faedah rakyat, merupakan satu perkembangan

baik bagi rakyat.

✓ 10. Bagi daerah Batu Pahat, Lembaga

Letrik Negara telah dipertanggungjawabkan

untuk melaksanakan 21 projek, yang dianggar
memakan belanja sebanyak \$4.7 juta. Diantara
projek-projek yang sedang diselenggarakan,
termasuklah bekalan letrik ke Kampong Parit
Arshad, Kampong Parit Sulong, Kampong Parit
Muhamed, Padang Seri, Parit Lada Hitam,
Parit Kuda Tengah, Sungai Kelambu, Sungai
Suloh dan Parit Haji Ibrahim. Saya penuh yakin,
bahawa projek-projek ini, akan dapat disiapkan
sebelum akhir tempoh Rancangan Malaysia
Ketiga.

di seluruh
Daerah
Bahé
Pahat

14. Selain dari projek letrik luar-bandar ini, enam rancangan besar juga sedang diselenggarakan dalam Daerah Batu Pahat ini, bagi memperbaiki serta menambahkan lagi bekalan air. Diantara projek-projek ini, ialah mempereelokkan kerja "Headworks" Parit Raja ini, yang memakan belanja sebanyak \$150 ribu, menambahkan lagi bekalan air Batu Pahat dengan belanja \$1.275 juta, dan projek menakong air di Seri Medan, berharga \$346 ribu. Saya harap, dengan siapnya projek-projek ini kelak, penduduk dan rakyat dalam Daerah Batu Pahat ini, tidak akan lagi mengalami kekurangan

bekalan air.

Saudara-saudara sekalian.

15. Keputusan pilihanraya umum yang baru lalu, ^{bahwa} melaahirkan ~~menifestasi~~ rakyat yang berkehendakkan kesetabilan politik, perkembangan ekonomi dan keamanan yang berkekalan. Ia juga membuktikan hasrat dan azam rakyat, bagi mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen. Sesungguhnya, sokongan dan kepercayaan rakyat ini, menjadikan saya lebih bersemangat ~~serta~~ dan memberi dorongan yang lebih ~~meningkatkan inspirasi saya untuk benar benar~~ ~~kuat lagi~~ kepada saya untuk

Lengan lebih kuat lagi

berkhidmat kepada rakyat dan negara. ~~Insyaa~~

X

~~Allah saya tidak akan sekali-kali menghampakan
cita-cita dan harapan rakyat ini.~~

16. Kerajaan yang baru saya tubuhkan,
akan sentiasa mengambil ingatan dan perhatian,
terhadap hakikat rakyat, yang mahukan kemajuan
dan kemakmoran. Kami akan menjalankan apa jua
langkah dan tindakan bagi mencapai matalamat,
yang telah kami huraikan dalam manifesto
Barisan Nasional itu.

17. Memandangkan bahawa keadaan keselamatan
negara pada keseluruhannya, adalah baik dan

terkawal, saya tidak syak lagi, usaha sepenuhnya

dapat

akan terus ditumpukan kearah pencapaian

yang lebih tinggi / ^{dalam} bidang pembangunan.

Saya harap, rakyat dapat terus memberikan

kerjasama dan sokongan mereka, memelihara

dan mengekalkan keamanan dan ketenteraman.

Kita mestilah sentiasa mengawasi, setiap

kegiatan yang tidak sihat, dari anasir-anasir

anti-nasional, dan lain-lain musuh negara.

18. Di samping itu, kita mestilah

mengeratkan lagi perpaduan dan persefahaman

di kalangan rakyat berbilang kaum. Dengan jalan ini, anasir-anasir ini, tidak akan dapat peluang, untuk menembusi benteng pertahanan, yang wujud dari perpaduan dan persefahaman ini. Saya penuh yakin, bahawa dengan kerjasama semua pihak, dan sokongan serta bantuan rakyat jelata, masa depan kita dan anak-cucu kita, adalah cerah dan lebih terjamin lagi.


19. Sempena dengan majlis kesyukuran, serta dengan suasana dan semangat Hari Raya ini, marilah kita membaharui tekad dan azam

..... lagi
kita, bagi mengukuhkan perpaduan dan persefahaman.

Inilah faktor utama, bagi mengekalkan keamanan,
serta meningkatkan kemajuan dan kemakmuran.

20. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan
terima kasih, serta setinggi-tinggi penghargaan,
kepada semua pihak yang telah menjayakan
majlis petang ini. Mudah-mudahan, TUHAN
akan memberkati segala usaha suci kita.

Terima kasih.





No Siri 397
No. Penerimaan 36/81